KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

PERTANDINGAN MENULIS ULASAN BUKU
PERINGKAT INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
TAHUN 2026

SEMPENA BULAN BAHASA KEBANGSAAN

Syarat-syarat Pertandingan:

1. Terbuka kepada semua siswa guru dan warga kerja bukan akademik Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan.

2. Ulasan buku hendaklah ditulis dalam bahasa Melayu sepenuhnya.

3. Penyertaan dihadkan kepada SATU (1) ulasan sahaja bagi setiap peserta.

4. Peserta boleh memilih mana-mana buku yang telah diterbitkan oleh penerbit Malaysia dalam tempoh lima (5) tahun terakhir. Buku yang dipilih boleh sama ada daripada genre fiksyen atau bukan fiksyen.

5. Buku yang dipilih boleh terdiri daripada buku bercetak atau e-buku.

6. Buku yang dipilih haruslah bersesuaian yang merangkumi pelbagai bidang seperti sejarah, ekonomi, sosial, bahasa, sains dan teknologi, pendidikan, pengurusan, motivasi, pembangunan diri, agama, falsafah dan kesusateraan.

7. Buku yang dipilih hendaklah bebas daripada sebarang unsur sensitif seperti 3R (Kaum, Agama dan Raja) atau unsur negatif yang berbaur lucah, tidak bermoral, isu-isu kontroversi atau paparan yang bertentangan dengan norma masyarakat dan sebagainya.

8. Penulisan ulasan perlulah asli dan hasil penulisan sendiri, bukan ciplak dan belum pernah disiarkan di mana-mana platform.

9. Maklumat buku seperti judul, nama pengarang/penulis, nama penerbit, tahun terbitan, edisi dan jumlah halaman perlu dinyatakan dengan jelas pada bahagian pengenalan ulasan.

10. Format penulisan :

- Menggunakan perisian komputer (Microsoft Word) dengan jenis fon Ariel, saiz 12, dan jarak baris 1.5 atau langkau dua baris (double spacing).

- Mengandungi antara 800 hingga 1,200 patah perkataan.

- Jumlah perkataan dicatatkan di bahagian akhir penulisan (bahagian bawah, di sebelah kanan).

- Butiran nama, nombor kad pengenalan dan tajuk buku perlu diletakkan sebagai *header* pada setiap helaian ulasan.

11. Peserta **WAJIB** mendaftar penyertaan melalui borang penyertaan yang disediakan dan memuat naik salinan ulasan buku (dalam bentuk PDF) di dalam borang tersebut (Google Form) untuk tujuan rekod dan simpanan pihak penganjur.

12. Tarikh tutup penyertaan ialah pada **21 OKTOBER 2026 (RABU).**

13. Penilaian akan dibuat berdasarkan ulasan buku yang berkualiti, bahasa yang jelas, kupasan yang menarik, serta penggunaan bahasa Melayu yang baik dan betul.

14. Penganjur pertandingan berhak menggunakan semua bahan karya penyertaan ini bagi tujuan promosi atau penerbitan atau paparan dalam media cetak, media sosial dan media elektronik.

15. Penganjur juga berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan.

16. Keputusan pertandingan adalah **MUKTAMAD**.

17. Hantarkan **SATU (1) SALINAN** ulasan buku dalam bentuk salinan keras (hard copy) berserta borang penyertaan **SECARA SERAHAN TANGAN** kepada unit perpustakaan di IPG kampus.

18. Sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak urus setia di talian 012-2285314 (Waktu pejabat sahaja) dan melalui e-mel suriati.ein@moe.gov.my atau nurulain.nasir.gov.my.

19. Tawaran hadiah kepada pemenang adalah seperti berikut:

Tempat Pertama	:	Hadiah bernilai RM300.00
Tempat Kedua	:	Hadiah bernilai RM250.00
Tempat Ketiga	:	Hadiah bernilai RM200.00
Lima (5) pemenang sagu hati:		Hadiah bernilai RM50.00 bagi setiap pemenang